

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 MAC 2022

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 8

HARI : KHAMIS

Kuantan: Azamnya untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga mendapat pengecualian bayaran balik pinjaman pendidikan agar dapat menjimatkan wang gajinya bagi membantu keluarga tercapai apabila graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) M Ashviny menerima Anugerah Pelajaran Diraja.

Ashviny, 25, yang kini bertugas sebagai jurutera berbeka, tekadnya itu juga didorong oleh faktor mahu membalsas jasa bapanya, seorang pemandu lori dan ibunya yang juga pekerja am di syarikat swasta selain mahu empat adiknya menjadikan dirinya selaku anak sulung sebagai ikutan.

"Saya diberitahu jika mendapat keputusan cemerlang, pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak perlu dibayar...itu yang mendorong saya belajar bersungguh-sungguh supaya lebih banyak wang gaji boleh digunakan bagi membantu keluarga," katanya.

Graduan jurusan Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal) itu berkata demikian ketika ditemui pada sidang media memperkenalkan penerima anugerah sempena Majlis Konvo-

Cemerlang sehingga tak perlu bayar balik pinjaman



ASHVINY (kanan) bersama graduan UMP lain yang menerima anugerah dan hadiah kecemerlangan pada Majlis Konvokesyen UMP ke-15.

kesyen ke-15 universiti berkenaan di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini, kelmarin.

Berkat kesungguhan dan sikap tidak berputus asa, anak jati Klang, Selangor itu berjaya memperoleh ijazah sarjana muda kelas pertama.

Bagi Twong Weng Fung, 23, yang menerima Anugerah Emas Universiti UMP

atas kecemerlangannya dalam bidang akademik dan ko-kurikulum, menyifatkan pembahagian masa yang baik menjadi resipi kejayaannya sepanjang bergelar penuntut.

"Saya merupakan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar bagi sesi 2018 dan 2019 dan pernah menganjurkan sebanyak 88 program dalam setahun, tetapi berjaya

mendapat Anugerah Dekan bagi setiap sesi akademik.

"Semuanya tidak mustahil untuk dilakukan jika kita merancang aktiviti pembelajaran dan ko-kurikulum sebulan lebih awal dan berpegang kepada rancangan. Kalender Google amat penting kepada saya dalam membuat perancangan dengan teliti," katanya.